

10 SEP, 2025

4,100 PUSAT CAS EV TERSEDIA

Harian Metro, Malaysia



LANGKAH STRATEGIK CAPAI PELEPASAN SIFAR BERSIH 2050

4,100 PUSAT CAS EV TERSEDIA

Kuala Lumpur

Malaysia memiliki sekurang-kurangnya 4,100 pusat pengecasan kenderaan elektrik (EV) di seluruh negara bagi memenuhi permintaan EV yang semakin meningkat, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof.

Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, usaha itu bukan sahaja bertujuan mengurangkan pelepasan untuk pengangkutan dalam jangka panjang tetapi juga meletakkan Malaysia sebagai hab serantau bagi mobiliti hijau dan

mampan.

“Di bawah tunjang mobiliti hijau, Malaysia giat memperluas ekosistem EV daripada infrastruktur pengecasan di seluruh negara dan elektrifikasi armada awam hinggalah kepada dasar yang menggalakkan pembuatan EV tempatan dan rantaian bekalan komponennya,” katanya dalam ucapan pembukaan di Persidangan Antarabangsa Mengenai Kejuruteraan Kimia dan Tenaga (ICChEE) 2025 di sini, kelmarin.

Berpanduan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) Malaysia sedang merangka laluan berfasa dan strategik ke arah

mencapai Pelepasan Sifar Bersih menjelang 2050.

Enam tunjang utama yang menyokong pelan hala tuju itu ialah kecekapan tenaga, tenaga boleh baharu, biotenaga, hidrogen, mobiliti hijau dan pemerangkapan karbon.

Bagi memastikan elektrik yang membekalkan kuasa kepada EV dan jentera lain datang daripada sumber-sumber tenaga hijau, Fadillah berkata, Malaysia menetapkan sasaran yang bercita-cita tinggi - meningkatkan perkongsian tenaga

boleh baharu dalam campuran tenaga kepada 70 peratus menjelang 2050 sambil mengandakan sasaran penjimatan kecekapan tenaga negara kepada 22 peratus.

“Langkah praktikal sudah pun digerakkan: pengubahsuaian bangunan berskala besar, pialaiaan kecekapan yang lebih ketat bagi peralatan dan penggunaan biodiesel yang diperluas daripada B10 kepada B20 dalam sektor pengangkutan.

“Ini bukanlah idea abstrak, sebaliknya langkah

nyata yang mewujudkan kemajuan yang dapat dilihat secara langsung di lapangan,” katanya.

Fadillah berkata, hidrogen menawarkan sempadan baharu peluang, dengan Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen (HETR) membayangkan Malaysia sebagai hab hidrogen bersih di Asia-Pasifik menjelang pertengahan abad.

“Dengan potensi untuk menjana hasil RM400 bilion, mewujudkan 200,000 peluang pekerjaan baharu dan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 15 peratus menjelang 2050, hidrogen mam-

pu merubah landskap tenaga negara kita.

“Disokong oleh Rang Undang-Undang Perubahan Iklim Negara yang bakal diperkenalkan dan undang-undang Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon, visi ini sudah mula diterjemahkan kepada tindakan.

“Projek perintis seperti pembakaran bersama ammonia di kemudahan Tenaga Nasional Bhd, yang mencapai percampuran sehingga 60 peratus, membuktikan bahan api lebih bersih boleh dikembangkan skala penggunaannya dan selamat,” katanya.

- Bernama

Malaysia
perluas ekosistem
EV daripada
pusat pengecasan
di seluruh negara